



SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

PENYERAHAN SEMULA PUSAT TINGKATAN ENAM BELAIT [COVID-19 HOLDING AREA BELAIT (CHABEL6)] DARIPADA KEMENTERIAN KESIHATAN KEPADA KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Khamis, 11 Syawal 1443H / 12 Mei 2022M - Majlis Penyerahan semula Pusat Tingkatan Enam Belait iaitu *COVID-19 Holding Area Belait (CHABEL6)* daripada Kementerian Kesihatan kepada Kementerian Pendidikan telah diadakan pada hari ini.

Hadir selaku Tetamu-tetamu Kehormat Majlis ialah Yang Mulia Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan dan Yang Mulia Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin, Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan.

Pusat Tingkatan Enam Belait telah digunakan sebagai sebuah fasiliti pengasingan COVID-19 yang digelar sebagai *COVID-19 Holding Area Belait (CHABEL6)* sejak bulan Ogos 2021 sehingga bulan April 2022. Ini juga termasuk beberapa fasiliti sekolah yang lain seperti Ma'had Islam Brunei yang baru-baru ini telah diserahkan semula kepada Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sejak gelombang kedua COVID-19 melanda negara ini, tiga (3) buah sekolah kerajaan telah dijadikan sebagai pusat pengasingan. Dalam memastikan keselamatan penuntut-penuntut di sekolah-sekolah berkenaan dan semua sekolah-sekolah kerajaan serta sekolah swasta lainnya, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin mengesahkan usaha-usaha untuk pembersihan sekolah dan persekitarannya sedang giat dilaksanakan dan adalah selamat untuk penuntut-penuntut bagi menghadiri sesi persekolahan.

- T A M A T -

Rujukan : KK/PR/1
Tarikh : 11 Syawal 1443H / 12 Mei 2022M